



## NEGERI SABAH

[ JPAN: 700-4/1 JLD.4 ( 126 ) ]

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 3/2019

#### PEMBAYARAN ELAUN PENGENDALIAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

#### 1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini dikeluarkan mengikut Peraturan 123, Bahagian III, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008. Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar dan syarat elaun Pengendalian Peperiksaan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah.

#### 2. KADAR PEMBAYARAN

##### 2.1 Elaun

Kadar bayaran elaun pegawai yang terlibat secara langsung dalam pengendalian Peperiksaan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah adalah ditetapkan dalam **Lampiran A**.

### **3. PIHAK BERKUASA YANG MELULUSKAN PEMBAYARAN**

3.1 Permohonan untuk dibayar elaun-elaun Pengendalian Peperiksaan Perkhidmatan Awam Negeri Sabah hendaklah dipertimbangkan oleh:

- (a) Setiausaha, Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (LPKPANS) bagi peperiksaan yang dikendalikan oleh Lembaga itu; atau
- (b) Ketua Jabatan yang berkenaan bagi peperiksaan Jabatan yang dikendalikan oleh Jabatan masing-masing.

### **4. TUNTUTAN PERBELANJAAN PENGANGKUTAN**

4.1 Seseorang pegawai yang dilantik sebagai Ketua Pengawas / Pengawas / Pemeriksa Lisan / Penemuduga / Pemerhati boleh menuntut Elaun Perjalanan Kenderaan mengikut kelayakannya sendiri. Tuntutan elaun perjalanan kenderaan itu hendaklah dikira berdasarkan jarak antara pejabat seseorang pegawai itu dengan pusat peperiksaan.

4.2 Seseorang pegawai yang dilantik sebagai Ketua Pengawas / Pengawas / Pemeriksa Lisan / Penemuduga / Pemerhati di semua Pusat Peperiksaan boleh diberi pemberian pengangkutan sebanyak RM15.00 setiap hari sepanjang tempoh peperiksaan.

4.3 Pegawai-pegawai yang menuntut elaun perjalanan kenderaan atau pemberian pengangkutan tidak layak menuntut perbelanjaan tambang teksi.

- 4.4 Tuntutan pembayaran Elaun Perjalanan kenderaan atau pemberian pengangkutan hendaklah dikemukakan kepada Setiausaha, Lembaga Penilaian Kompetensi Perkhidmatan Awam Negeri Sabah (LPKPANS) bagi pemeriksaan yang dikendalikan oleh Lembaga itu. Dengan demikian seseorang pegawai yang menuntut pembayaran tersebut tidak boleh lagi memohon pembayaran elaun yang sama dari Ketua Jabatannya.
- 4.5 Bagi Peperiksaan-peperiksaan yang dikendalikan oleh jabatan masing-masing, tuntutan pembayaran Elaun Perjalanan Kenderaan atau pemberian pengangkutan hendaklah dipertimbangkan oleh Ketua Jabatan berkenaan.
- 4.6 Walau bagaimanapun, sekiranya kenderaan kerajaan diperuntukkan, elaun perjalanan kenderaan atau pemberian pengangkutan tidak akan diberi.


## 5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## 6. PEMBATALAN

- 6.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 4/2013 adalah dibatalkan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**( DATUK SERI PANGLIMA HASHIM PAIJAN )**

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh: **26 APR 2019**

s.k. Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Level 8,9,10 dan 11, Blok A  
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Pengarah Audit,  
Jabatan Audit  
**88990 KOTA KINABALU**

Diedarkan kepada :  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**KADAR BAYARAN PENGENDALIAN  
PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

BIL	TANGGUNGJAWAB	JENIS PENGENDALIAN	KADAR ELAUN
1.	Pengawas Peperiksaan.	I. Ketua Pengawas. II. Pengawas.	RM70.00 satu hari. RM40.00 satu hari.
2.	Penyedia Kertas Soalan /Rencana.	I. Soalan esei dengan skema jawapan. II. Soalan objektif / pendek / isi tempat kosong dengan skema jawapan. III. Rencana ujian trengkas dan penyediaan skema markah. IV. Rencana ujian menaip.	RM20.00 bagi satu soalan. RM10.00 bagi satu soalan. RM80.00 satu set rencana. RM50.00 satu set rencana.
3.	Pemeriksa Kertas Jawapan / Trengkas / Taip.	I. Kertas 3 jam dan ke atas. II. Kertas 2 jam tetapi kurang 3 jam. III. Kertas 1 jam tetapi kurang 2 jam. IV. Kertas kurang dari 1 jam.	RM6.00 satu set kertas jawapan. RM5.00 satu set kertas jawapan. RM4.00 satu set kertas jawapan. RM3.00 satu set kertas jawapan.
4.	Pembaca rencana.	Rencana Ujian Trengkas	RM40.00 satu set rencana.
5.	Urusan Peperiksaan secara Lisan/ Amal/ Pemerhati/Temuduga	Bayaran Pemeriksa Lisan/Amali/Pemerhati/Temuduga	RM60.00 satu hari.